



# EKONOMI STABIL

## ■ Kenaikan harga bahan api tak jejas penggunaan swasta

Bangi

**H**arga runcit bahan api yang menyaksikan satu lagi kenaikan bulan ini tidak akan menjejaskan penggunaan swasta dengan ketara atau melembapkan pertumbuhan ekonomi negara.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali berkata, tidak semuanya terikat kepada harga minyak.

"Terdapat banyak petunjuk lain juga (untuk corak penggunaan swasta). Penggunaan juga bergantung kepada bagaimana anda melihat ekonomi dan juga situasi domestik serta sektor mana anda melihatnya," katanya.

Berikutan itu, menurutnya, penggunaan swasta Malaysia tidak akan berubah dengan ketara hanya disebabkan oleh kenaikan harga runcit bahan api, baru-baru ini.

"Selain itu, Malaysia juga kekal dalam kumpulan negara yang mempunyai harga bahan api yang lebih rendah dan dengan itu, ia tidak dijangka akan menjejaskan pertumbuhan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengumumkan kerjasama berasingan antara UKM dengan Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) serta Bank Dunia di sini, semalam.

Harga petrol dan diesel Malaysia diletakkan dalam sistem apungan terurus sejak 1 Disember 2014 berikutan pemansuhan subsidi

“**Malaysia juga kekal dalam kumpulan negara yang mempunyai harga bahan api yang lebih rendah**”

*Dr Noor Azlan Ghazali*

bahan api.

Harga petrol RON95 dan RON97 dinaikkan 20 sen bagi bulan ini manakala harga diesel pula meningkat 10 sen.

Hadir sama pada majlis itu, Pengurus Negara Bank Dunia Faris Hadad-Zervos, Presiden Pengasas IDEAS Tunku Zain Al-Abidin Tuanku Muhriz dan Ketua Eksekutifnya Wan Saiful Wan Jan.

Mengenai prospek harga minyak mentah, Ha-

dad-Zervos berkata, ia akan terus turun naik, tetapi tidak mungkin menyaksikan perubahan mendadak pada masa depan.

UKM dan Bank Dunia sebelum itu melancarkan pencarian dua calon bagi menyertai program penyelidikan baru untuk pelatih di bawah Program Perintis Pelatih Penyelidikan UKM-Bank Dunia.

UKM menjalin kerjasama dengan IDEAS bagi meningkatkan minat dalam aktiviti penyelidikan, akademik dan sokongan awam melalui pelancaran Rangkaian Asia Tenggara (SEANET). SEANET adalah pusat serantau dalam IDEAS yang memberi tumpuan kepada usaha memangkinakan pembangunan negara ASEAN. - BERNAMA